

**PERSEPSI GURU PRA PERKHIDMATAN DAN DALAM  
PERKHIDMATAN TENTANG KUALITI GURU MATEMATIK.**

**ROSLIN BINTI HAJI SUHA**

**FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2005**

**PERSEPSI GURU PRA PERKHIDMATAN DAN DALAM  
PERKHIDMATAN TENTANG KUALITI GURU MATEMATIK.**

**ROSLIN BINTI HAJI SUHA**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MATEMATIK)**

**FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2005**

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

08.12.2005

ROSLIN BINTI HAJI SUHA  
200301323

## PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke atas kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia-Nya dan keizinan-Nya maka saya dapat menyempurnakan Disertasi (TMP 6018) yang menjadi sebahagian syarat kepada penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan dengan jayanya. Di ruangan ini ingin sekali saya mengambil kesempatan untuk merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia saya iaitu Profesor Madya Noor Shah bin Haji Saad yang telah memberi segala tunjuk ajar, semangat, dorongan dan sokongan yang begitu padu. Begitu juga buat suami tercinta, Azali bin Kader dan ibu yang dikasihi, Eyah bt Yusof serta anak-anak yang disayangi iaitu Farrah Wahidah, Farrah Hidayah, Farrah Izzah dan Farrah Najwa, yang begitu memahami dan sentiasa memberi semangat kepada saya. Akhir sekali buat semua pensyarah, rakan-rakan di UPSI dan di SMK Agama, Slim River, diucapkan terima kasih di atas bantuan dan nasihat yang diberikan.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan tentang kualiti guru matematik di sekolah menengah. Tinjauan ini melibatkan lima elemen-elemen kualiti iaitu pengetahuan tentang kandungan matematik, kemahiran tentang kaedah dalam matematik, tingkah laku dan personaliti guru yang baik, kerjasama dengan pelajar, rakan guru, ibubapa dan pentadbiran serta komunikasi dan pengurusan berkesan. Seramai 280 orang guru pra perkhidmatan telah dipilih berdasarkan persampelan rawak secara berstruktur dan 172 orang populasi guru matematik dalam daerah Batang Padang yang terdiri daripada 21 buah sekolah menengah telah digunakan sebagai responden. Data yang dikutip ini di analisis dengan menggunakan ujian statistik deskriptif (kekerapan dan peratus), ujian-t, ujian-t sampel berpasangan, ANOVA satu hala dan korelasi. Kajian mendapati guru pra perkhidmatan mempunyai persepsi tentang kualiti guru matematik yang lebih tinggi berbanding guru dalam perkhidmatan. Skor min guru pra perkhidmatan tentang kualiti guru matematik ialah 179.09 dan skor min guru dalam perkhidmatan ialah 175.75 yang mana kedua-duanya berada pada tahap pengetahuan kategori yang baik. Kajian juga mendapati persepsi guru perempuan pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan tentang kualiti guru matematik adalah lebih tinggi secara signifikan jika dibandingkan dengan guru lelaki iaitu skor min bagi guru lelaki pra perkhidmatan ialah 176.99 manakala guru perempuan pra perkhidmatan ialah 181.16. Skor min bagi guru lelaki dalam perkhidmatan pula ialah 171.52 manakala skor min bagi guru perempuan dalam perkhidmatan ialah 178.07. Kajian juga mendapati tahap pengetahuan persepsi tentang kualiti guru matematik menunjukkan perbezaan di antara guru dalam perkhidmatan berdasarkan pengalaman mengajar. Kajian mendapati bahawa guru pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan telah meletakkan elemen kualiti yang sama sebagai urutan paling utama iaitu pengetahuan tentang kandungan matematik dalam menentukan kualiti guru. Seterusnya urutan elemen kedua utama adalah komunikasi dan pengurusan berkesan dan ketiga adalah tingkah laku dan personaliti guru yang baik. Bagi urutan elemen keempat yang dipilih oleh mereka adalah tidak sama iaitu bagi guru pra perkhidmatan, mereka meletakkan elemen kerjasama dengan pelajar, rakan guru, ibubapa dan pentadbiran dan elemen kelima adalah kemahiran tentang kaedah dan teknik dalam matematik. Bagi guru dalam perkhidmatan pula, urutan elemen keempat ialah kemahiran tentang kaedah dan teknik dalam matematik dan kelima adalah kerjasama dengan pelajar, rakan guru, ibubapa dan pentadbiran. Kajian juga mendapati bagi guru pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan, perlu diberi lebih penekanan kepada 2 elemen kualiti iaitu kerjasama dengan pelajar, rakan guru, ibubapa dan pentadbiran dan kemahiran tentang kaedah dan teknik dalam matematik di mana kedua-dua elemen ini juga merupakan elemen yang penting dalam membentuk kualiti guru matematik.

## ABSTRACT

The aim of this research is to seek pre service and in service teachers' perception towards quality of mathematics teachers in secondary school. The survey was done based on their knowledge of the subject contents, skills in the mathematics techniques and methods, good attitude and personality of teachers', cooperation with students, fellow teachers, parents' and administration and also communication and efficient management system (process). 280 teachers in the pre service was chosen based on stratified random sampling and 172 in service mathematics teachers in the district of Batang Padang from 21 schools was selected as respondents. The data were analysed by using frequency and percentage, t-test, pair t-test, one way ANOVA and correlation. The finding of the research shows that teachers in the pre service have higher perception towards quality of mathematics teachers compared to teachers in service. However, the mean score of the quality of mathematics teachers in pre service is 179.09 and the mean score of mathematics teachers in service is 175.75 which show that both are on a satisfactory knowledge level. This research also found that the perception towards quality of mathematics teachers of female teachers pre service and in service is higher if compared to male teachers in which the mean score of male teachers in pre service is 176.99 whereas the mean score of female teachers in pre service is 181.16. The mean score of male teachers in service is 171.52 whereas the mean score of female teachers in service is 178.07 respectively. However, the research found that there is a difference in the perception towards quality of mathematics teachers among the in service teachers depending on their teaching experience. The findings also shows that pre service and in service teachers chose knowledge of the mathematics content as the first sequence of the construct. Thus, this construct is an important factor in the quality of mathematics teachers. The second sequence of the construct is communication and efficient management system and the third is good attitude and personality of teachers'. For the fourth and fifth sequence of the constructs they differ in their opinion. For the pre service teachers, they chose the fourth sequence of the construct that is cooperation with students, fellow teachers, parents and administration, and the fifth sequence construct is skills in the mathematics techniques and methods. In service teachers chose the skills in the mathematics techniques and methods as a fourth sequence of the construct and the fifth sequence of the construct is cooperation, fellow teachers, parents and administration. Lastly, the findings shows that these two constructs must be given an emphasis to mould quality mathematics teachers. The two constructs are cooperation with students, fellow teachers, parents and administration and skills in the mathematics techniques and methods.

**KANDUNGAN**

	<b>Muka surat</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.4 Tujuan Kajian	32
1.5 Persoalan Kajian	33
1.6 Hipotesis Kajian	34
1.7 Kepentingan Kajian	35
1.8 Batasan Kajian	38
1.9 Pembolehubah Kajian	39
1.10 Definisi Istilah	40
1.10.1 Kualiti	40

1.10.2	Kualiti Guru	41
1.10.3	Kualiti Guru Matematik	42
1.10.4	Guru Pra Perkhidmatan	43
1.10.5	Guru Dalam Perkhidmatan	44
1.11	Kesimpulan	45

## **BAB 2      TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	46
2.2	Kualiti Guru	47
2.3	Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran	55
2.4	Kajian-kajian Berkaitan	61
2.5	Kesimpulan	65

## **BAB 3      METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	66
3.2	Reka Bentuk Kajian	67
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	68
3.4	Alat Kajian	70
3.4.1	Kajian Rintis	72
3.4.2	Item Soal Selidik	73
3.5	Tatacara Pengumpulan Data	81
3.6	Tatacara Penganalisisan Data	83
3.6.1	Analisis Data Soal Selidik	83



3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	84
-----	------------------------------	----

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	86
4.2	Profil Responden	88
4.2.1	Profil Responden Guru Pra Perkhidmatan	88
4.2.2	Profil Responden Guru Dalam Perkhidmatan	89
4.3	Analisis Data	91
4.3.1	Persoalan Kajian 1	91
4.3.2	Persoalan Kajian 2	94
4.3.3	Persoalan Kajian 3	100
4.3.4	Persoalan Kajian 4	105
4.3.5	Persoalan Kajian 5	106
4.3.6	Persoalan Kajian 6	108
4.3.7	Persoalan Kajian 7	118
4.3.8	Persoalan Kajian 8	121

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	124
5.2	Kesimpulan	125
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	144
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	147
5.5	Penutup	149

<b>RUJUKAN</b>	<b>152</b>
----------------	------------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>158</b>
-----------------	------------





**SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>muka surat</b>
1.1 Konsep Asas Pengetahuan Dalam Pengajaran	26
3.1 Kebolehpercayaan Alat Ukur Dalam Kajian Rintis.	72
3.2 Item-item Elemen bagi Kualiti Guru Matematik Sekolah Menengah.	74
3.3 Kategori Skor Guru Pra Perkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan Tentang Kualiti Guru Matematik.	75
3.4 Kategori Skor Guru Pra Perkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan Tentang Kualiti Guru Matematik Bagi Setiap Elemen Kualiti.	78
4.1 Profil Responden Guru Pra Perkhidmatan.	88
4.2 Profil Responden Guru Dalam Perkhidmatan.	89
4.3 Skor Min Guru Matematik Pra Perkhidmatan Tentang Elemen-elemen Kualiti.	92

4.4	Analisis Ujian-t ke atas Guru Pra Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen-elemen Kualiti Guru Matematik.	95
4.5	Analisis Ujian-t ke atas Guru Pra Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Pengetahuan Kandungan Matematik.	96
4.6	Analisis Ujian-t ke atas Guru Pra Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Kemahiran Tentang Kaedah dan Teknik.	97
4.7	Analisis Ujian-t ke atas Guru Pra Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Tingkah laku dan Personaliti Guru.	97
4.8	Analisis Ujian-t ke atas Guru Pra Pperkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Kerjasama.	98
4.9	Analisis Ujian-t ke atas Guru Pra Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Komunikasi dan Pengurusan Berkesan.	99

4.10	Analisis Ujian-t ke atas Guru Dalam Perkhidmatan Mengikut Tentang Elemen-elemen Kualiti Guru Matematik.	100
4.11	Analisis Ujian-t ke atas Guru Dalam Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Pengetahuan Kandungan Matematik.	101
4.12	Analisis Ujian-t ke atas Guru Dalam Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Kemahiran Tentang Kaedah dan Teknik.	102
4.13	Analisis Ujian-t ke atas Guru Dalam Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Tingkah laku Dan Personaliti Guru.	102
4.14	Analisis Ujian-t ke atas Guru Dalam Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Kerjasama.	103
4.15	Analisis Ujian-t ke atas Guru Dalam Perkhidmatan Mengikut Jantina Tentang Elemen Komunikasi dan Pengurusan.	104

4.16	Analisis Ujian-t ke atas Guru Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Kualiti Guru Matematik yang Mempunyai Opsyen Matematik dan Bukan Opsyen Matematik	105
4.17	Analisis Ujian-t ke atas Guru Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Kualiti Guru Matematik Yang Mengajar di Luar Bandar dan Dalam Bandar.	107
4.18	Skor Min Guru Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Kualiti Guru Matematik Mengikut Bilangan Tahun Mengajar.	108
4.19	Analisis ANOVA ke atas Skor Min Guru Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Kualiti Guru Matematik Berdasarkan Pengalaman Mengajar.	109
4.20	Ujian Post Hoc (LSD) ke atas Skor Min Guru Dalam Perkhidmatan Berdasarkan Pengalaman Mengajar Tentang Elemen Kualiti Guru Matematik.	110
4.21	Analisis ANOVA ke atas Skor Min Guru Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Pengetahuan Kandungan Matematik.	111

4.22	Ujian Post Hoc (LSD) ke atas Skor Min Persepsi Tentang Elemen Kualiti Pengetahuan Kandungan Matematik.	113
4.23	Analisis ANOVA ke atas Skor Min Guru Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Kualiti Kemahiran Kaedah dan Teknik Dalam Matematik	114
4.24	Analisis ANOVA ke atas Skor Min Guru Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Kualiti Tingkah laku dan Personaliti Guru.	114
4.25	Analisis ANOVA ke atas Skor Min Guru Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Kualiti Kerjasama.	115
4.26	Analisis ANOVA ke atas Skor Min Guru Dalam Perkhidmatan Elemen Kualiti Komunikasi dan Pengurusan	116
4.27	Ujian Post Hoc (LSD) ke atas Skor Min Guru Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Kualiti Komunikasi Dan Pengurusan.	117
4.28	Korelasi Antara Guru Pra Perkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan Dengan Elemen-elemen Kualiti Guru Matematik.	118



4.29 Analisis Ujian-t ke atas Guru Pra Perkhidmatan 120

dan Dalam Perkhidmatan Tentang Elemen Kualiti

Guru Matematik.

4.30 Analisis Mengikut Bilangan Pilihan Responden Terhadap 121

Urutan Mengikut Keutamaan Bagi Lima Elemen Kualiti.



**SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>muka surat</b>
1.1 Model Rich iaitu '7 Habits of Good Teachers'.	11
1.2 Keberkesanan Guru Dalam Pengajaran	13
1.3 Hubungan bagi Keberkesanan Guru untuk Menjalankan Proses Pengajaran Dalam Membuat Keputusan.	16
1.4 Kerangka Pencapaian ke arah 'TQ/PD'	18
1.5 Pencapaian Pelajar dan Program Kualiti Guru 'Senate file 476'.	22
1.6 Model Langkawi BPG (1995)	28
1.7 Kerangka Konseptual Kajian Kualiti Guru Matematik.	30
3.1 Populasi dan Sampel Kajian Yang Digunakan.	71

## SENARAI SINGKATAN

### Singkatan nama

PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPLI	Kursus Pendidikan Lepas Ijazah
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
NCTM	National Council Teaching Mathematics
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
BBM	Bahan Bantu Mengajar
NVQs	National Vocational Qualifications
ASA	American Statistical Association
SPSS	Statistic Package for Social Science

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kualiti guru sering dibincangkan oleh masyarakat umum terutama apabila keputusan-keputusan peperiksaan diumumkan seperti peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Bukan sahaja di kalangan ibu bapa malah pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Pelajaran (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan mempersoalkan kualiti seseorang guru apabila keputusan sesuatu mata pelajaran itu menurun.

Dalam memperkatakan tentang kualiti guru matematik ini, terdapat pelbagai tanggapan tentang kualiti tersebut. Namun begitu, sebelum membincangkan tentang kualiti guru matematik ini dengan lebih mendalam, adalah perlu diingatkan bahawa

seseorang guru itu mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza dan juga pengalaman yang berbeza. Bukan semua guru mempunyai latihan yang lengkap dan mencukupi tentang sesuatu mata pelajaran yang diajar. Hakikat ini perlu diterima kerana dalam situasi sebenar yang berlaku di sekolah bukan semua guru yang mengajar mata pelajaran matematik datangnya dari bidang matematik itu sendiri. Hal ini berlaku kerana ada sesetengah sekolah tidak mempunyai guru yang mencukupi dalam bidang matematik, maka pihak sekolah akan mendapatkan guru dari bidang lain seperti bidang Perakaunan, Sains, malah terdapat juga dari bidang Bahasa Melayu untuk mengajar mata pelajaran matematik tersebut.

Latihan yang diterima oleh seseorang guru matematik juga adalah berbeza. Sebagai contoh, guru yang datang dari Kursus Pendidikan Lepas Ijazah (KPLI) hanya menjalani latihan perguruan selama setahun sahaja manakala guru yang datangnya dari kursus pendidikan seperti guru dari lepasan universiti-universiti tempatan pula menjalani latihan perguruan selama 3 atau 4 tahun. Perbezaan ini pasti menyebabkan terdapatnya jurang ilmu tentang pendidikan disebabkan oleh tempoh pengajian yang berlainan.

Menurut Darling-Hammond, Wise, dan Klein (1995), beberapa kajian yang membuat perbandingan di antara guru yang mempunyai latar belakang kursus pendidikan yang lengkap dengan guru tanpa kursus pendidikan mendapati guru tanpa kursus pendidikan yang lengkap kurang sensitif terhadap pelajar, kurang perancangan yang rapi, memberi tunjuk ajar yang tidak menepati keperluan pelajar dan kurang kemahiran dalam melaksanakan pengajaran.

Kualiti guru dalam bidang matematik sememangnya harus dijaga supaya dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang tersebut. Mengikut Strickland, James,

Page dan Jane (1991), terdapat lima kualiti yang penting yang perlu ada pada seseorang guru iaitu pengetahuan dan ilmu dalam bidang matematik, mengajar dalam keadaan yang gembira dan bersedia, bekerja dengan semua pelajar untuk mencapai potensi diri mereka tanpa mempunyai sikap pilih kasih, dapat menerangkan matematik itu sendiri dengan jelas dengan menggunakan semua teknik dan kaedah pengajaran yang berkaitan dengan matematik dan menunjukkan minat ke atas pelajar sebagai individu dan bukan hanya sebagai pelajar sahaja.

Guru yang berkualiti merupakan '*hall mark*' bagi sesebuah sistem pendidikan (Lewis et. al, 1999). Mereka dapat mengintegrasikan intelektual para pelajar dan pembangunan sosial mereka. Ciri-ciri pengajaran guru matematik yang berkualiti dipandang dari aspek kualiti isi kandungan yang diajar, kepelbagaian tugas yang diberi dan kesesuaian tugas tersebut mengikut tahap kesusahan, minat dan kerelevanan. Guru yang baik juga dapat menunjukkan kesinambungan dalam setiap struktur matematik yang dipelajari dalam setiap tajuk dan sentiasa peka atau berjaga-jaga dengan kemajuan individu pelajar. Selain daripada itu, guru juga dapat menggalakkan pelajar untuk mengorganisasi setiap tugas, bahan dan ujian yang dijalankan. Guru yang berkualiti juga sentiasa memberi ruang kepada pelajar untuk berbincang tentang masalah yang dihadapi oleh mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan (Lewis et.al, 1999).

Masalah yang timbul berkaitan dengan kualiti seseorang guru ini juga ialah guru-guru baru yang ditempatkan di sekolah-sekolah tidak mempunyai suatu garis panduan bagaimana untuk menjadi guru permulaan yang berkualiti. Hal ini berlaku kerana di pusat pengajian tinggi iaitu tempat di mana mereka diberi latihan perguruan juga tidak

mendedahkan tentang kualiti-kualiti yang perlu ada bagi seseorang guru itu. Di institusi – institusi pengajian tinggi, mereka lebih banyak ditekankan dengan pengetahuan tentang isi kandungan sesuatu bidang. Di sekolah pula mereka juga tidak mempunyai panduan dalam membentuk kualiti guru dalam diri mereka. Guru-guru ini hanya diberi tugas yang berkaitan dengan bidang mereka dan kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang kurikulum atau ko-kurikulum sahaja. Jarang sekali guru-guru permulaan ini mahu pun guru yang telah lama berkhidmat dihantar berkursus tentang kualiti guru ini. Oleh itu bagi kebanyakan guru-guru di sekolah, hanya tempoh masa berkhidmat dan pengalaman sahaja yang dapat meningkatkan kemahiran dan kredibiliti mereka sebagai seorang guru.

Kualiti guru ini sebenarnya boleh dibentuk dan diperbaiki dalam diri seseorang guru. Jika dahulu ayat seperti *'born to be a teacher'* sering diperkatakan tetapi apakah seseorang itu sememangnya lahir untuk menjadi guru atau sifat-sifat dan kemahiran sebagai guru itu boleh dibentuk dalam diri seseorang. Mengikut Cullingford (1998);

*“Are teachers born and not made? Is effective teaching really a matter of personality? Those who have been involved in educating teachers for many years will have seen thousands of different people become teachers. In the experiences of a variety of different types of personality, they will have seen that there are a number of characteristics which all good teachers demonstrate, and which many different people, with their unique personalities, can learn.”*

Yang jelasnya guru yang hendak dilahirkan melalui sistem pendidikan negara adalah guru yang berkualiti supaya dapat menghasilkan pelajar yang cemerlang. Oleh sebab itulah guru-guru matematik khususnya perlu mengetahui kualiti apakah yang perlu ada supaya dapat menjadikan sesuatu pengajaran yang dibuat itu adalah pengajaran yang berkesan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Kualiti seseorang guru merupakan suatu perkara yang penting dalam melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang. Dalam kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan matematik lebih banyak difokuskan kepada pengurusan bilik darjah, alat bahan bantu mengajar, kaedah pengajaran matematik yang digunakan dan kebelakangan ini banyak kajian yang melibatkan bagaimana pelajar berfikir dalam menyelesaikan sesuatu masalah dalam matematik. Namun begitu kajian yang melibatkan tentang kualiti seseorang guru matematik atau guru matematik yang berkualiti kurang diberi perhatian. Bidang-bidang yang banyak dikaji adalah seperti kemahiran pelajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah, strategi-strategi pengajaran dalam matematik, kefahaman pelajar dalam sesuatu topik yang diajar dan pencapaian pelajar dalam matematik.

Jika dilihat dari sudut Falsafah Pendidikan Negara (FPN), pihak Kementerian Pelajaran Malaysia amat menekankan kepada keseimbangan seseorang pelajar itu dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Selaras dengan itu perlu disedari dalam melahirkan pelajar-pelajar yang sedemikian, peranan guru merupakan suatu peranan yang amat penting. Khususnya dalam bidang matematik, guru-guru perlu menjadi guru yang benar-benar berkualiti di mana pihak kerajaan mempunyai visi dan misi untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang maju dan berteknologi tinggi. Kemajuan ini hanya dapat dicapai dengan kecemerlangan pelajar dalam bidang matematik ini.

Banyak persoalan yang timbul di kalangan ibubapa pelajar iaitu seperti “*Does my child have a good teacher?*” atau “Adakah anak saya mempunyai seorang guru yang